

PORT DICKSON DAN SEJARAH PEMBANGUNANNYA

Oleh: MOHD NOH BIN HAJI OTHMAN

PORT DICKSON adalah sebuah daerah yang terkenal dalam Negeri Sembilan sebagai kawasan perkelahan yang menarik. Setiap hari minggu dan cuti umum Port Dickson dibanjiri oleh ribuan pelawat dari merata tempat untuk berkelah, berehat dan bermandi-manda.

Selain dari pantainya yang indah, Port Dickson juga mempunyai berbagai-bagai keistimewaan termasuk dua buah kilang penapis minyak iaitu Shell dan Esso untuk membekalkan minyak bertapis ke seluruh negara. Stesyen Janaelektrik Tuanku Jaafar juga menambah kehebatan Port Dickson kerana dapat membekalkan tenaga elektrik kepada kira-kira setengah dari kawasan semenanjung Malaysia.

Di samping itu, Port Dickson juga mempunyai markas tentera Askar Melayu yang tertua di negara ini. Di sinilah tempat tentera darat kita menerima latihan awal sebagai rekrut, sebelum dihantar berkhidmat ke tempat-tempat lain.

Jadi, Port Dickson memang sudah dikenali di seluruh negara sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Tetapi tidak ramai dari penduduk Negeri Sembilan Darul Khusus, malah penduduk Port Dickson sendiri mengetahui asal usul nama Port Dickson.

Bagaimanapun, ada juga yang mengetahui serba sedikit asal nama Port Dickson. Iaitu berasal dari nama seorang penjajah Inggeris yang memerintah Negeri Sembilan Darul Khusus. Tetapi masih ramai tidak mengetahui bagaimana nama Port Dickson itu boleh terkenal hingga sekarang.

Sebagai seorang anak watan Negeri Sembilan Darul Khusus, haruslah mengetahui bahawa sebelum penjajah Inggeris itu memberi nama Port Dickson, bandar tersebut sudah mempunyai namanya sendiri. Malah orang Melayu, Cina dan India di Port Dickson, tahu bahawa Port Dickson mempunyai nama asalnya sebagai 'Tanjong' bagi orang Melayu dan 'Arang' bagi orang Cina dan India. Dinamakan 'Tanjong' kerana tempat tersebut terletak di sebuah tanjung yang menganjur ke laut. Sementara 'Arang' pula ialah kerana sebuah pulau yang berhampiran dengan Tanjung ini terkenal pula kerana tempat membakar kayu bakau untuk dijadikan arang untuk dipasarkan di seluruh kawasan yang berhampiran.

Menurut sejarah, sebelum tahun 1800, Tanjong telah mula diduduki oleh orang-orang Melayu di persisiran pantainya yang bekerja sebagai nelayan dan peniaga. Terdapat banyak perkampungan nelayan ketika itu termasuk Bagan Pinang, Si Rusa, Telok

Kemang, Pasir Panjang, Lukut dan Sepang. Pekan Tanjong bertambah ramai penduduknya setelah didatangi oleh peniaga bangsa Cina, Arab dan India.

Sebuah pulau berhampiran dengan 'Tanjong' ini digunakan pula oleh peniaga-peniaga dari Sumatera untuk membakar kayu bakau dan dijadikan kayu arang.

Menyedari perkembangan dan kepesatan Pulau Arang sebagai tempat perkilangann dan Pekan Tanjong sebagai pusat perniagaan bahan-bahan lain, maka pada tahun 1889, Setiausaha Jajahan British, Sir John Frederick Dickson, telah mengarahkan supaya pekan Tanjong berhampiran Pulau Arang dijadikan sebuah pelabuhan dan stesyen keretapi yang menghubungkan tempat itu ke Sungai Ujung (sekarang Seremban) dibina.

Dalam tahun 1891, landasan keretapi sejauh kira-kira 39 km. yang dicadangkan oleh Sir John Frederick Dickson itu mula diterima dan pembinaan landasan itu mula diusahakan. Apabila siap, segala barang-barang yang diturunkan dari kapal yang berlabuh di Tanjong seperti lada, beras dan ubi kayu akan diangkat melalui keretapi ke Sungai Ujung. Dengan itu, Pelabuhan Tanjong dikenali ramai dan perniagaan mula maju. Pihak Penjajah British telah membawa pula ramai buruh-buruh dari India untuk membina landasan keretapi itu. Dengan usaha yang gigih maka landasan itu siap dibina dalam tahun 1894 dan pembukaannya telah dirasmikan sendiri oleh Setiausaha Jajahan British itu Sir John Frederick Dickson.

Sempena dengan pembukaan landasan keretapi, Setiausaha Jajahan British mahukan supaya nama Tanjong atau Alang (Arang) ditukar kepada Port Dickson (Pelabuhan Dickson). Nama tersebut mula menjadi sebutan orang ramai hingga sekarang.

Sejak dari tarikh itu, nama Port Dickson makin dikenali ramai dan pekan tersebut dengan cepat muncul sebagai sebuah pelabuhan utama. Dalam tahun 1893 sahaja hampir 600 buah kapal dari Singapura dan Port Swettenham (sekarang Pelabuhan Kelang) berlabuh untuk memunggah muatan yang dibawa ke keretapi dan barang-barang tersebut kemudiannya dibawa ke Sungai Ujung (Seremban).

Dengan kepesatan dan perkembangan Port Dickson, satu pusat pemereksaan Kastam dan Imigresan telah didirikan untuk memeriksa jumlah barang yang semakin bertambah. Bangunan-bangunan kedai papan telah diganti dengan bangunan kedai batu. Sebanyak 45 buah kedai batu telah didirikan di samping permohonan tanah-tanah kosong di sepanjang pantai Port Dickson.

Pembangunan pekan Port Dickson semakin berubah. Ini menyebabkan bertambahnya penduduk. Peniaga dari luar mula bertumpu ke Port Dickson. Ladang-ladang kopi dan getah mula diperbesarkan dan diperluaskan hingga Seliau dan Rantau.

Dalam tahun 1901 Syarikat minyak Shell dan Trading mula membangunkan sebuah kilang untuk menyimpan kira-kira 700 tan minyak. Menjelang tahun 1902, Port Dickson

telah dikenali ramai sebagai perhentian keretapi selatan semenanjung dan pelabuhan kapal yang utama di pantai barat semenanjung. Dengan itu, Syarikat minyak Shell tidak ragu-ragu lagi membesarkan kilangnya kerana kemudahan pengangkutan dengan keretapi dan kereta untuk membawa minyak yang sudah diproses ke bandar-bandar lain.

Dalam tahun 1894, seorang pakar perubatan British telah mencadangkan kepada kerajaan British supaya sebuah hospital penyakit biri-biri didirikan di Port Dickson kerana memandangkan kenyamanan udara yang bertiup dari Selat Melaka. Dalam tahun berikutnya hospital tersebut telah dibina di tapak hospital daerah Port Dickson sekarang.

Dalam tahun 1933, Port Dickson telah dipilih sebagai tempat melatih Askar Melayu. Dengan itu terbentuklah sebuah kem Askar Melayu dan Maktab Tentera Persekutuan. Kem tersebut dikekalkan hingga sekarang.

Dalam tahun 1964 pula satu lagi perkembangan berlaku apabila kilang Penapis Minyak Esso dibuka. Dua tahun kemudiannya sebuah loji Amonia telah didirikan. Pembinaan kilang penapis minyak Esso itu merupakan tempat yang paling sesuai kerana berhampiran dengan pelabuhan dan hubungan jalanraya dan landasan keretapi yang muda dengan jaraknya tidak berapa jauh dari ibu kota Kuala Lumpur.

Dalam tahun 1965 pula Pusat Janaelektrik Tuanku Jaafar telah dibina berhampiran bandar Port Dickson. Dengan terbinanya Pusat Janakuasa Letrik Tuanku Jaafar itu, dapat membekalkan kuasa elektrik di kebanyakan tempat di bahagian tengah semenanjung Malaysia.

Sejak tahun 1980, daerah Port Dickson telah ditadbirkan oleh sebuah Majlis Daerah Port Dickson dengan peruntukan pelancarannya berjumlah \$2.1 juta. Dengan pentadbiran Majlis Daerah itu, Port Dickson maju beberapa tapak lagi ke hadapan dari segi pentadbiran.

Daerah Port Dickson pada keseluruhannya mengandungi lima buah Mukim dengan luasnya 141,600 ekar. Mukim tersebut ialah Port Dickson, Si Rusa, Pasir Panjang, Linggi dan Jimah. Sekarang daerah Port Dickson dihuni oleh hampir 100,000 penduduk. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan sekitar bandar Port Dickson dan Telok Kemang. Di samping itu terdapat beberapa buah pekan kecil dan kampung-kampung baru yang menjadi pusat kegiatan penduduk setempat seperti Bukit Pelandok, Sungai Nipah, Chuah, Lukut, Pasir Panjang, Tanjong Agas, Pengkalan Kempas, Linggi dan Tampin Linggi.

Dari segi pentadbiran dan perundangan pula, Port Dickson mempunyai sebuah kawasan Parlimen iaitu Parlimen Telok Kemang dan tiga kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Linggi, Pasir Panjang dan Si Rusa. Sebuah lagi Dewan Undangan negeri Jimah masuk dalam Parlimen Rasah pada tahun 1986.

Dalam bahagian pembangunan pula, Port Dickson menghadapi zaman kegemilangannya apabila kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus melipatgandakan usaha untuk memajukan Port Dickson sebagai tempat pelancongan yang terkenal di negara kita. Salah satu dari projek raksaksa yang sedang dilaksanakan sekarang ialah penambakkan laut seluas 102.8 hektar berhampiran dengan bandar Port Dickson. Projek tersebut telah dimulakan sejak pertengahan tahun 1984 lalu. Kawasan penambakkan laut yang telah hampir siap itu akan dibangunkan dengan pelbagai bentuk kemudahan seperti penginapan, perniagaan dan rekreasi.

Projek yang bernilai kira-kira \$500 juta itu akan dikenali sebagai 'Taman Impian Port Dickson'. Ianya meliputi kawasan hotel bertaraf antarabangsa, kawasan perumahan, perkampungan, perniagaan, padang golf, kemudahan awam, jalanraya dan padang letak kereta. Projek tersebut dijalankan secara pengswastaan antara pemaju Bumiputra dengan sebuah firma dari Jepun. Kerajaan Negeri dan kerajaan pusat tidak perlu mengeluarkan wang sesen pun.

Untuk menarik lebih ramai lagi pelancongan berkunjung ke Port Dickson, kerajaan Negeri Sembilan telah mengadakan Pesta Port Dickson setiap tahun bermula tahun 1987. Pesta pertama yang mendapat sambutan ramai itu diadakan di Batu Lima Jalan Pantai, tetapi kali ini pesta tersebut diadakan di tapak penambakkan laut yang berhampiran dengan bandar Port Dickson.

Bahan Rujukan

- | | |
|---|--|
| 1. Negeri Sembilan dan Sejarahnya | : Oleh Tan Sri Ab. Samad Idris. |
| 2. Warisan keluaran 1 & 2 | : Penerbitan Persatuan Sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus. |
| 3. Pelita Bilangan 2 | : Terbitan Esso Malaysia. |
| 4. Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Jaafar bin Yusof | : Bekas Pengerusi Persatuan Sejarah Kawasan Port Dickson. |